



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	6/9/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JPNP			



Di kawasan Hutan Simpan Sinderut, Lipis, Pahang inilah sekumpulan individu didakwa mencerooboh untuk menghantar bantuan kepada penduduk kelmarin.

Kosmo 6/9/2021 m/s 12

Ahli politik antara yang bakal dikenakan tindakan

Ceroboh hutan simpan untuk hantar bantuan

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**

LIPIS – Tindakan sekumpulan individu termasuk ahli Pertubuhan Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) yang dikatakan memasuki Hutan Simpan Sinderut di sini tanpa permit mengundang padah apabila mereka bakal dikenakan tindakan undang-undang.

Menurut sumber, kumpulan berkenaan memasuki hutan itu kelmarin untuk menyalurkan bantuan termasuk makanan kepada penduduk yang terjejas disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

"Mereka memasuki hutan itu tanpa permit dengan alasan untuk menyalurkan bantuan kepada penduduk yang terjejas selepas mendapat aduan.

"Difahamkan, sebahagian ahli

kumpulan itu pulang pada sebelah petang dan ada yang bermalam di kawasan tersebut bagi meneruskan program hari ini (semalam)," katanya di sini semalam.

Sumber tersebut memberitahu, susulan itu, pihak Jabatan Perhutanan akan mengambil tindakan selepas laporan polis dibuat di Ibu Pejabat polis Daerah (IPD) Lipis di sini.

Pada 18 Julai lalu, Ahli Dewan Undangan Negeri Teratai, Bryan Lai Wai Chong merupakan antara 29 individu yang ditahan kerana memasuki Hutan Simpan Ulu Jelai di sini tanpa permit.

Kumpulan dari Selangor dan Kuala Lumpur itu ditahan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Kampung Bekoh, Pos Lenjang di sini.

Memasuki kawasan hutan

simpan tanpa permit merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 47(1) Akta Perhutanan Negara 1984 yang boleh dikenakan denda sehingga RM10,000 atau penjara.

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah Lipis, Superintendan Azli Mohd. Noor mengesahkan pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu yang dibuat oleh petugas Jabatan Perhutanan semalam.

Jelas beliau, kes tersebut melibatkan pencerobohan hutan simpan yang merupakan di bawah bidang kuasa Jabatan Perhutanan.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri, Datuk Dr. Hizamri Mohd. Yasin pula gagal dihubungi bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai perkara tersebut.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my